

Tiada amalan politik wang dalam pemilihan

um-13/9/2006

Saya tidak fikir RM200 boleh beli undi untuk tolak Dr. Mahathir, saya tak fikir begitu murah untuk kita tolak

MOHD. JOHARI BAHARUM
Ketua UMNO
Bahagian Kubang Pasu

KUALA LUMPUR 12 Sept. - Ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu, Datuk Mohd. Johari Baharum menafikan wujud amalan politik wang dalam pemilihan perwakilan bahagian itu Sabtu lalu, seperti yang didakwa oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Sebaliknya, beliau mendakwa perkara itu sengaja ditimbulkan oleh penyokong Dr. Mahathir untuk dijadikan isu.

"Saya tidak fikir RM200 boleh beli undi untuk tolak Dr. Mahathir, saya tak fikir begitu murah untuk kita tolak. Ini propaganda penyokong Tun (Dr. Mahathir)," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri mengulas dakwaan Dr. Mahathir kononnya wujud politik wang pada pemilihan perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu Sabtu lalu.

Bekas Perdana Menteri itu mendakwa ada ahli UMNO bahagian itu menerima RM200 untuk tidak mengundi beliau sebagai perwakilan bahagian ke Perhimpunan Agung UMNO November ini.

Bagi mengukuhkan dakwaannya itu, Dr. Mahathir turut menunjukkan seke-

ping kertas yang dikatakan adalah senarai nombor calon yang harus dipilih oleh perwakilan cawangan pada mesyuarat itu.

Mengulas mengenai senarai nombor calon pilihan itu, Johari berkata, perkara itu berlaku di mana-mana pertandingan termasuk di peringkat Majlis Tertinggi (MT) UMNO.

"Biasalah, bila ada pertandingan, ada orang keluar senarai ini, senarai itu, itu perkara biasa," jelasnya.

Beliau menambah, buat pertama kali, pemilihan tujuh perwakilan bahagian itu menjadi tumpuan ramai termasuk kehadiran orang luar yang dikatakan penyokong Dr. Mahathir.

"Kita tahu ramai orang turun ke Kubang Pasu. Orang yang kita tak kenal. Buat kali pertama surat khabar bagi pertama, semua kempen untuk Tun.

"Ada bawa DVD Tun di Taman Mela-

wati yang tak pernah berlaku sebelum ini. Itu pun sebahagian kempen," katanya.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, Dr. Mahathir boleh membuat laporan kepada Jawatankuasa Disiplin UMNO jika yakin wujudnya politik wang pada pemilihan itu.

"Saya bukan hendak nasihat Tun tetapi kita ada saluran dan kaedah, kita sendiri laporkan dan kita (Jawatankuasa Disiplin UMNO) akan siasat. Jawatankuasa itu wujud semasa Tun ada, jadi gunakan untuk kita siasat," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen.

Hishammuddin yang juga Menteri Pelajaran berkata, beliau telah meneliti kertas senarai nombor calon pilihan yang ditunjukkan Dr. Mahathir.

"Nama Mukhriz (Datuk Mukhriz Mahathir) juga tak ada tetapi Mukhriz memang juga," katanya.



MOHD. JOHARI BAHARUM

FOUNDATION
TAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA